



3 JENIS BENTUK PERNIAGAAN DI MALAYSIA

- Bentuk perniagaan yang paling mudah.
- Dimiliki oleh seorang pemilik, tetapi tidak semestinya dijalankan oleh anda seorang.
- Boleh menggiat ramai kakitangan.

- Penggabungan modal dan bekerjasama dengan sekurang-kurangnya seorang rakan kongsi.
- Anda dan rakan kongsi anda adalah pemilik bersama yang akan berkongsi aghian keuntungan atau risiko.

- Entiti berdaftar yang ditubuhkan oleh sekurang-kurangnya dua orang.
- Boleh memiliki harta, merangka kontrak perjanjian dan menggaji kakitangan.
- Tertakluk bawah Akta Syarikat 1965.

- Memberi kebebasan mutlak membuat keputusan dan lebih puas.
- Boleh dimulakan dengan mudah tanpa perlukan modal besar.
- Tidak perlu menyediakan laporan akaun, dan segala hal-ehwal operasi perniagaan adalah urusan peribadi anda.
- Boleh menjalin dan mengkekalkan hubungan baik dengan para pelanggan tanpa had.

- Berkongsi kerja dan mempunyai teman berbincang jika perniagaan melalui kesusahan atau masalah.
- Mempunyai sumber kewangan yang lebih.
- Pengabungan dari segi pengetahuan, kemahiran, buah fikiran dan sumber-sumber daya yang lain.

- Ahli-ahli (pemegang saham) syarikat tidak terikat kepada pemilik syarikat.
- Pemegang saham tidak dibebankan dengan tanggungjawab pengurusan.
- Sekiranya perniagaan gagal, pemegang saham dilindungi oleh tata perundangan.
- Mempunyai potensi perkembangan yang lebih tinggi.

- Pikul tanggungjawab penuh ke atas semua hutang dan risiko perniagaan.
- Perlu pengetahuan dan kemahiran dalam banyak bidang, dan mungkin perlu mendapatkan nasihat dari pakar dalam bidang-bidang lain.
- Dana anda mungkin terhad.
- Bekerja lebih masa dan tidak boleh mengambil cuti.
- Perniagaan terpaksa ditutup jika anda meninggal dunia.

- Bertanggungjawab ke atas hutang-hutang perniagaan sekalipun ia berpunca dari tindakan rakan kongsi anda. Juga bertanggungjawab menggunakan sumber-sumber sendiri untuk melunaskan hutang-hutang.
- Potensi perkembangan perniagaan terhad.
- Perselisihan faham dan pertikaian mungkin berlaku di kalangan rakan kongsi.
- Perkongsian berakhir bila salah seorang daripada rakan kongsi menarik diri atau meninggal dunia.

- Melibatkan tatacara perundangan yang panjang dan perbelanjaan yang tinggi termasuk kos menerbitkan pelbagai laporan kewangan syarikat.
- Syarikat kecil mempunyai liabiliti (tanggungjawab) terhad, menyukarkan proses pinjaman bank yang tinggi.
- Perkembangan syarikat Sendirian Berhad mungkin terhad kerana ia tidak boleh menjual saham kepada awam. Ini juga bermakna kerugian ditanggung sepenuhnya oleh pemilik syarikat.